

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

**JUDUL: MENKKAJI PERGERAKAN KREATIF TARIAN KUDA KEPANG
DAN UNSUR KEBATINAN DALAM AKTIVITI FIZIKAL INI**

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya **SYAZANA BINTI GHAZALI**

Mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)* ini disimpan di perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktud di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan Oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

TANDATANGAN PENULIS

Alamat Tetap
BLOCK E-48
JPN LIMAU HANTU,
18500 MACHANG,
KELANTAN.

TANDATANGAN PENYELIA

PM.DR.ABDUL HAFIDZ BIN HAJI OMAR

Tarikh : **FEBRUARI, 2004**

Tarikh : **FEBRUARI, 2004**

CATATAN

- * Potong yang tidak berkenaan
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja khusus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan)”

Tandatangan :

Nama Penyelia : PM. DR. ABDUL HAFIDZ BIN HAJI OMAR

Tarikh : FEBRUARI 2004

MENKAJI PERGERAKAN KREATIF KUDA KEPANG DAN UNSUR
KEBATINAN DALAM AKTIVITI FIZIKAL INI

SYAZANA BINTI GHAZALI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2004

“ Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah jelaskan sumbernya”

Tandatangan :

Nama pengarang : SYAZANA BINTI GHAZALI

Tarikh :

Dedikasi

Penulisan ini khas buat orang yang tersayang dan penting dalam hidup saya:

*Buat ma dan abah yang saya sayang, yang banyak berkorban
dalam mendidik saya dan membesarkan saya.*

*Tidak lupa juga adik-adik yang saya cintai iaitu Mohd Syafiq, Syahinaz & Syamimi.
Yang banyak membantu saya dan sabar dalam melayan karenah saya iaitu roommate
dan teman yang saya sayangi iaitu Norlela Zainuddin.*

*Sahabat sejati saya dan sahabat yang lama bersama saya iaitu Amy Azreyan Amy.
Rakan seperjuangan yang amat saya kasihi iaitu Norfaeizah Othman & NorBaizura.
Terima kasih diatas segala pengorbanan kalian.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya, maka dengan ini dapatlah saya menyiapkan satu kajian ilmiah tepat pada masa yang telah ditetapkan .

Saya akui terlalu banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa saya lalui untuk menyiapkan kajian ilmiah ini. Namun dengan berkat kesabaran dan tunjuk ajar yang telah diberikan, saya tabah untuk menyiapkan kajian ilmiah ini seperti mana yang telah dihasilkan. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr.Abd. Hafidz Bin Hj Omar selaku pensyarah pembimbing/penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan teguran yang membina di dalam proses menyiapkan Projek Sarjana Muda (PSM) yang boleh dikatakan baru.

Seterusnya ucapan ribuan terima kasih kepada Pak Ungku atau Drs. Ungku Mohd Zaman Tahir selaku penasihat di Yayasan warisan Johor yang banyak membantu saya dalam menyiapkan projek ini. Beliau juga telah banyak memberi pendapat dan cadangan bagi menghasilkan kajian yang bermutu seperti ini. Tidak ketinggalan juga kepada Encik Mohd Yunus Hj. Dahalan dan Tuan Haji Abdul Hamid Bin Rahabah, En.Mohd Anizu Mohd Nor dan sahabat saya Norlela Zainuddin, Amy Azreyan dan Norfaeizah Othman yang banyak menolong dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Penghargaan ini juga ditujukan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu dan memberi galakan kepada saya dan sesiapa yang menolong secara langsung atau tidak, ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Sekian , Wassalam.....

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji pergerakan kreatif tarian kuda kepang dan unsur spritual dalam aktiviti fizikal ini. Kajian ini juga mengkaji sejauhmanakah unsur spritual ini diamalkan dalam tarian kuda kepang. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Tumpuan diberikan kepada penari Yayasan Warisan Johor sahaja. Kajian ini merumuskan bahawa terdapat kesesuaian aktiviti fizikal untuk diaplikasikan dalam matapelajaran PJK. Walaubagaimanapun unsur spritual tidak harus dipraktikkan dalam aktiviti fizikal ini.

ABSTRACT

The study examines the creative movements in Kuda Kepang dance and the spritual elements in this physical activity. This study also examines how far the spritual elements are used in Kuda Kepang dance. Researcher used observation and interview methods. The focus of the research was on Yayasan Warisan Johor only. The results of the study shows that physical activity is suitable to be applied to PE subject. However, the spritual elements will not be taught in this physical activity

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Judul	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Isi kandungan	vii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	7
	1.6 Limitasi Kajian	7
	1.7 Definisi Operasional	8
	1.8 Organisasi Kajian	11
	1.9 Penutup	12

BAB II	SOROTAN KAJIAN	MUKASURAT
2.1	Pengenalan	13
2.2	Asal -usul Kuda Kepang	14
2.3	Kuda Kepang dihasilkan	16
2.4	Konsep Fizik	18
2.5	Konsep Spritual	19
2.6	Penutup	20
BAB III	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	21
3.2	Rekabentuk Kajian	21
3.3	Populasi Dan Persampelan	23
3.4	Tempat Kajian	24
3.5	Instrumen Kajian	24
3.6	Prosedur Kajian	24
3.7	Penganalisan Pergerakan Kuda Kepang	26
3.8	Pemerhatian ke atas unsur kebatinan yang diamalkan dalam kuda kepang	26
3.9	Temubual dijalankan ke atas guru sekolah	26
3.10	Penutup	27

BAB IV ANALISIS PEMERHATIAN

4.1	Pengenalan	28
4.2	Penganalisaan Kreatif Kuda Kepang	29
4.3	Unsur kebatinan dalam tarian Kuda Kepang	31
4.4	Kesesuaian Sukan Kuda Kepang dalam matapelajaran PJK	35
4.5	Penutup	37

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	38
5.2	Perbincangan	39
5.3	Kesimpulan	43
5.4	Cadangan	44
5.5	Penutup	45

BIBLIOGRAFI	46
--------------------	----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kita sendiri sedia maklum bahawa Masyarakat Melayu mempunyai pelbagai kebudayaan yang digarap daripada pelbagai keturunan. Setelah itu ia disatukan menjadi satu kebudayaan yang unik kerana hampir setiap keturunan mempunyai adat sehingga membentuk satu kebudayaan Melayu. Terdapat banyak kebudayaan Melayu yang telah melambangkan kebanggaan sesebuah negeri sebagai contoh tarian zapin yang terkenal bagi masyarakat Johor, dikir barat pula dikalangan masyarakat Kelantan dan terdapat banyak lagi kebudayaan Melayu.

Agaknya bagaikan satu kelaziman bagi saya apabila membicarakan tentang asal usul sesuatu maka pembicaraan itu akan dimulai dengan menyentuh tentang sejarah atau latarbelakang “Kuda Kepang”. Dari manakah permainan atau tarian kuda kepang ini berasal? Soalan ini tidaklah mudah untuk dijawab. Berdasarkan beberapa kajian yang pernah dilakukan terhadap permainan tradisi ini mewujudkan jawapan atau

pendapat yang berbeza. (Hassan H. Siman ,1993) Kedua-dua jawapan atau teori jelas memperlihatkan dua penjelasan yang berbeza.

Secara ringkasnya ada lebih baik kalau saya utarakan penjelasan yang dibuat oleh Alimah Ghani. Alimah Ghani mengemukakan pendapatnya dalam tulisannya dalam ruangan sejarah bertajuk “ Permainan Kuda Kepang” dalam buku “Kebudayaan 1972, Kenangan 75 Tahun Bandar Penggaram: yang diterbitkan di Batu Pahat, Johor. Menurut Alimah Ghani permainan kuda kepang sebenarnya berasal dari Tanah Arab yang dipercayai telah wujud pada zaman pemerintahan Saiyidina Ali. (Ungku Zaman Tahir, 2000)

Saiyidina Ali merupakan seorang tentera atau pahlawan Islam yang memang terkenal dengan sifat-sifat keberanian dan ketangkasannya. Dalam menjalankan tugasnya sebagai ketua tentera pada masa itu beliau telah menubuhkan dan memperkuat tentera berkudanya. (Aziz Deraman, 1994). Diceritakan bahawa perbarisan tentera berkuda Saiyidina Ali diiringi oleh bunyi-bunyinya yang dihasilkan oleh buluh itu amat menghayalkan, justeru itu tentera Saiyidina Ali telah bertarung dengan penuh semangat tanpa rasa takut dan ngeri. Implikasinya, dalam apa jua peperangan tentera-tentera Saiyidina Ali beroleh kejayaan.

Kononnya pada masa itu ada seorang hamba Allah dari Tanah Jawa berkesempatan menyaksikan pertarungan antara tentera-tentera Saiyidina Ali dengan pihak musuh. Hamba Allah dari Tanah Jawa itu begitu kagum melihat cara tentera Saiyidina Ali bertempur terutamanya semasa tentera-tenteranya itu “naik syek” (khayal) dan menggempurkan pihak musuh. (Wan Ramli Wan Mohammad, 1994)

Ekoran dari peristiwa itu timbullah dalam hatinya untuk mengetahui tentang bagaimana tentera-tentera itu boleh “naik syek” dan berjuang dengan penuh keberanian. Setelah mengetahui akan rahsianya, pulanglah hamba Allah itu ke Tanah Jawa lantas melakukan “Pertapaan”. Begitu lama hamba Allah itu memencilkan diri dalam pertapaan, maka akhirnya hamba Allah itupun ghaib.

Sebelum ia ghaib diceritakan hamba Allah itu sempat menubuhkan sebuah pasukan kuda kepang di Tanah Jawa kemungkinan dikampungnya sendiri. Lantaran tiada kuda yang boleh didapatinya pada masa itu, maka hamba Allah itu pun mengambil buluh lalu dianyam menyerupai bentuk kuda yang kemudiannya dikenali dengan nama “Jaran Kepang”. Di Tanah Jawa ianya dikenali dengan nama atau panggilan “Nina Chowong”.

Teori kedua pula “Tarian Kuda Kepang” menegaskan bahawa permainan atau tarian kuda kepang sebenarnya berasal dari Tanah Jawa dan bukan merupakan sejenis kebudayaan yang didatangkan dari Tanah Arab. (Hassan H.Siman, 1993) Dalam tulisannya itu Encik Hassan telah memetik pendapat Encik Solehon dan rakan-rakannya. Mereka ini pakar dalam permainan tradisi kuda kepang yang mengatakan tarian tradisi ini asalnya dimainkan oleh wali Songo iaitu sembilan wali yang termasyhur di Tanah Jawa pada suatu masa dahulu. Kesembilan orang wali itu ialah Sunan Ngampol, Sunan Makhdum Ibrahim, Masih Munat, Radin Paku, Sunan Kali Djaga, Sunan Kudus, Sunan Muria, Sunan Guning Jati dan Malik Ibrahim. (Inon Shahrudin , 1997)

Kesembilan wali ini berhasrat untuk mengembangkan agama Islam. Untuk itu mereka telah ke kampung-kampung yang terpencil menggunakan kuda. Pada peringkat awal sambutan orang-orang kampung terlalu dingin. Disebabkan mereka jarang terdedah kepada orang-orang luar, setiap kali Wali Songo itu datang mereka telah melarikan diri. Justeru itu Wali Songo telah mencipta kuda daripada buluh dan sejenis tarian sambil menunggang kuda ciptaan mereka itu diiringi bunyi-bunyian. Orang-orang kampung yang sebelum ini belum lagi terdedah dengan apa jua bentuk hiburan telah datang berduyun-duyun untuk melihat permainan itu.

Sejak dari waktu itulah kuda kepang pun mula dimainkan lazimnya apabila hendak mengumpulkan orang kampung. Tidak dinafikan dalam peredaran masa tujuan atau fungsi tarian kuda kepang itu telah bertukar dari tujuan dakwah yang akhirnya menjadi sebagai satu unsur hiburan sahaja.

1.2 Latarbelakang Masalah

Kuda kepang merupakan permainan atau tarian yang biasanya dimainkan oleh orang lelaki sama ada muda atau kanak-kanak. Biasanya penari ini terdiri dari sekumpulan orang dewasa ataupun kanak-kanak yang berumur belasan tahun. Mereka menari mengikut rentak gendang yang dibunyikan oleh pemukul-pemukul gendang. Permainan ini dikenali di negeri Johor dan menjadi satu tarian yang amat digemari. Bagaimanapun kuda kepang ini lebih popular dikawasan luar bandar.

Jika kita lihat secara umum, dalam kuda kepang adalah bertujuan untuk ditarikan pada masa keramaian seperti pesta-pesta, hari-hari kebesaran sahaja. (Hussains Mohammad, 1992). Dalam tarian kuda kepang ini banyak menggunakan pergerakan kaki dan kepala. Untuk mendapatkan atau memperolehi tarian yang baik penari-penari mestilah mempunyai kekuatan kaki. Dalam tarian kuda kepang ini memang menegaskan pergerakan kaki yang terbahagi kepada lima jenis pergerakan.

Antaranya penari memegang kuda di sebelah kanan dengan kepalanya dinaikkan ke atas. Sambil berada pada posisi itu, penari mengangkat kaki kanan dan membengkokkan kaki kiri. Kaki diangkat dari kanan dan tepi. Pergerakan yang sama dilakukan dengan kaki diangkat dari hadapan ke separuh kanan dan kembali ke hadapan. Untuk melakukan pergerakan ini penari mestilah mempunyai kestabilan dan pusat graviti yang betul.

Bagi mendapatkan pergerakan yang dilakukan oleh penari, pengkaji menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti pergerakan kuda kepang dan unsur-unsur kebatinan dalam tarian kuda kepang.

1.3 Objektif Kajian

Diantara objektif yang dikenalpasti untuk tujuan kajian yang akan dijalankan ini adalah:

- 1.3.1 Mengenalpasti pergerakan kreatif dalam kuda kepang.
- 1.3.2 Mengetahui sama ada unsur-unsur kebatinan mempengaruhi dalam tarian kuda kepang.
- 1.3.3 Mengenalpasti kesesuaian sukan kuda kepang ini jika diaplikasikan dalam matapelajaran sukan di sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Di dalam kajian ini terdapat beberapa persoalan yang akan diketengahkan seperti yang dinyatakan di bawah :

- 1.4.1 Adakah faktor elemen-elemen penting dalam pergerakan kreatif kuda kepang?
- 1.4.2 Adakah unsur kebatinan diamalkan dalam permainan sukan kuda kepang?
- 1.4.3 Sejauhmanakah sukan kuda kepang ini bersesuaian diajar di dalam matapelajaran PJK di sekolah ?